# FORENSIK METAFIZIK




MAHYUDDIN ISMAIL
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG




# BERMULA CETUSAN IDEA

DALAM NEGERI

ARKIB : 12/10/2010

## Wujudkan Akta Jenayah Sihir

Oleh MOHD. FAIRUZ YUSOF
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 11 Okt. - Penubuhan Akta Jenayah Sihir perlu diwujudkan bagi membanteras kegiatan tersebut yang boleh merosakkan akidah umat Islam dan membawa kematian terhadap mangsa terbabit.

Pensyarah Undang-Undang Kolej Antarabangsa Institut Kemajuan Iktisas Pahang (IKIP), Dr. Mahyuddin Ismail berkata, walaupun jenayah tersebut masih belum membimbangkan tetapi langkah perlu diambil supaya pengamal ilmu tersebut dibawa ke muka pengadilan.

Menurut beliau, sebagai langkah permulaan, satu seminar diadakan bagi mencari jalan dan kaedah dalam membentuk undang-undang membanteras jenayah itu.

"Oleh itu, kerjasama antara Kolej Antarabangsa IKIP, Yayasan Pahang, Jabatan Kehakiman Syariah Pahang dan Majlis Agama Islam Pahang (MAIP) menganjurkan seminar jenayah tersebut sebagai langkah permulaan ke arah itu.

"Penganjuran seumpama itu akan dapat diteruskan oleh mana-mana negeri dalam mencari jalan penyelesaian mewujudkan satu undang-undang atau jabatan yang boleh mengekang gejala itu daripada terus berleluasa," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Perasmian Seminar Undang-Undang Jenayah Sihir di Kolej Antarabangsa IKIP, di sini hari ini.

Seminar tersebut dirasmikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan, Datuk Rahman Md. Yunus.



# LIPUTAN MEDIA



# LIPUTAN MEDIA



# PERCUBAAN SETERUSNYA






| | |
|---|---|
| 1 | Bag Kit |
| 2 | Penyembur Asid |
| 3 | Penyembur Air Ruqyah |
| 4 | Penyembur Lada Hitam |
| 5 | Asid Formik |
| 6 | Ammonia Inhalants |
| 7 | Penyepit Jari Kaki |
| 8 | Sarung tangan |
| 9 | Topeng Muka |
| 10 | Buku Manual |
| 11 | Buku Rekod |

1

# PENGENALAN

## APAKAH ITU SAINS FORENSIK?

Berasal dari bahasa Latin *forēnsis*, yang bermaksud "*of or before the forum*.".

Sains forensik adalah kaedah saintifik untuk mengumpul dan mengkaji maklumat tentang masa lalu.



# JENIS-JENIS FORENSIK






# BAHAN BUKTI FORENSIK

# BAHAN BIOLOGI


DARAH


RAMBUT & BULU


TULANG


ORGAN DALAMAN


BENDALIR TUBUH


JANIN

# BAHAN FIZIKAL (NON-BIOLOGI)



**SENJATA API**



**KESAN TAPAK KASUT**



**SENJATA TAJAM**



**KESAN TAYAR**



**CAP JARI**



**KESAN GIGITAN**

## APAKAH ITU METAFIZIK?

Berasal dari perkataan Greek *μετά (metá)* (bermaksud "selepas") dan *φυσικά (physiká)* (bermaksud "yang mengenai alam")

Ia membincangkan mengenai hakikat dan realiti dunia yang sebenarnya yang di luar alam biasa atau yang tidak kelihatan.

**Kamus Dewan Edisi 4:**

Falsafah atau ilmu pengetahuan mengenai segala yang di luar alam biasa atau yg tidak kelihatan, ma'akulat.



2

# FORENSIK METAFIZIK

# FORENSIK METAFIZIK

Satu usaha untuk meneroka dan mengkaji dimensi baru dalam amalan berunsur metafizik khususnya ilmu sihir dengan menggunakan alatan dan kaedah yang ketara dan fizikal.

Tujuannya adalah untuk menyediakan penyelesaian kepada isu-isu yang timbul khususnya berkaitan jenayah dan sivil.



3

# KES-KES JENAYAH SIHIR

# JURAIMI BIN HUSIN V PP
# MOHD AFFANDI B. ABD. RAHMAN & ANOR v. PP
# [1998] 1 MLJ 537



# PENDAKWA RAYA LWN. MAT SAAD MAT ISA & 2 LAGI
# [2005] 1 AMR 29



# DATO MOKHTAR B. HASHIM & ANOR v. PP
# [1983] 2 MLJ 232





# FRANCIS A/L ANTHONYSAMY v. PP
# [2003] 2 MLJ 49



# PP v. ABDUL RAHMAN MOHAMAD
# [2005] 1 CLJ 700



# MUSTAFA BATCHA LWN. HABEBA ABD. RAHMAN [1410] JH 41



# RE WAN NORSURIYA
# [1418] JH 211



# WAN MOHD FARIZ BIN MOHD ALI
# dan NORYANIE BINTI HANIFAH
# KES MAL BIL: 10003-O54-060/2005



# KES SAMAN NO 10002-055-0506-2014
# MRS BANDARAYA SHAH ALAM



- Mahkamah lantik JK Pendamai
- Laporan wakil defendan: Plaintif ada unsur gangguan sihir
- Laporan tersebut tidak diberi perhatian oleh pihak mahkamah.
- Mahkamah memutuskan bahawa plaintif dan defendan wajar diceraikan berdasarkan kaedah hakam atas alasan wujud syiqaq yang panjang antara kedua pihak.

# KES SAMAN 10001-054-1826-2014
# MRS PETALING JAYA



- Defendan berperangai pelik, kerap was-was dan sering tertekan.
- Defendan mendapatkan rawatan dan dalam tempoh rawatan, defendan menghubungi plaintif dan melafazkan cerai.
- Defendan mengaku tidak sedar apa yang dilafazkan.
- Mahkamah sabit sah lafaz dan menggugurkan talak kerana defendan gagal kemukakan bukti tentang ketidak warasan.

# KES SAMAN 10003-054-1586-2014
# MRS KLANG



- Plaintif melafazkan cerai dalam keadaan tidak sedarkan diri semasa dirawat.
- Dua orang saksi mengaku mendengar lafaz tersebut namun suaranya berlainan dengan suara plaintif sebenar.
- Plaintif gagal kemukakan saksi iaitu perawat. Mahkamah minta plaintif bersumpah.
- Mahkamah sabit tidak berlaku perceraian.

# KES SAMAN 10005-054-1718-2012
# MRS HULU LANGAT

- Plaintif mengemukakan seorang saksi pakar.
- Berdasarkan keterangan saksi pakar, simptom yang dialami plaintif adalah simptom gangguan sihir.
- Mahkamah menerima keterangan saksi pakar namun bersandarkan keadaan saksi tiada pada masa kejadian, tidak membolehkan mahkamah menerima sepenuhnya kesaksian tersebut.
- Mahkamah memutuskan tidak berlaku perceraian setelah plaintif bersumpah bahawa beliau dalam keadaan tidak sedar semasa lafaz.



# KES SAMAN 10002-154-1021-2008
# MRS BANDARAYA SHAH ALAM



- Plaintif mendakwa melafazkan cerai tanpa sedar akibat dipukau kawannya.
- Plaintif sering ikut arahan kawannya tanpa tujuan sehingga kepada lafaz cerai pun plaintif sedia melafazkan.
- Plaintif kemukakan 4 orang saksi termasuk pengamal Perubatan Islam.
- Mahkamah berpuashati bahawa plaintif tidak dapat mengawal fikirannya. Plaintif telah bersumpah dan mahkamah mensabitkan tidak berlaku perceraian.

4

# FORENSIK SIHIR

# AYAT AL QURAN

SURAH AL BAQARAH AYAT 102:

وَاتَّبَعُوا مَا تَتْلُو الشَّيَاطِينُ عَلَى مُلْكِ سُلَيْمَانَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ
وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ وَمَا أُنْزِلَ عَلَى
الْمَلَكَيْنِ بِبَابِلَ هَارُوتَ وَمَارُوتَ وَمَا يُعَلِّمَانِ مِنْ أَحَدٍ حَتَّى يَقُولَا
إِنَّمَا نَحْنُ فِتْنَةٌ فَلَا تَكْفُرْ فَيَتَعَلَّمُونَ مِنْهُمَا مَا يُفَرِّقُونَ بِهِ بَيْنَ الْمَرْءِ
وَزَوْجِهِ وَمَا هُمْ بِضَارِّينَ بِهِ مِنْ أَحَدٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَيَتَعَلَّمُونَ مَا
يَضُرُّهُمْ وَلَا يَنْفَعُهُمْ وَلَقَدْ عَلِمُوا لَمَنِ اشْتَرَاهُ مَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ
خَلَاقٍ وَلَبِئْسَ مَا شَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ

Asal usul ilmu sihir

Kesan sihir

# AL HADIS

SHAHIH AL BUKHARI, HADIS 3028, JILID 11, HAL. 48:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ سُحِرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى كَانَ يُخَيَّلُ إِلَيْهِ
أَنَّهُ يَفْعَلُ الشَّيْءَ وَمَا يَفْعَلُهُ حَتَّى كَانَ ذَاتَ يَوْمٍ دَعَا وَدَعَا ثُمَّ قَالَ
أَشَعَرْتِ أَنَّ اللَّهَ أَفْتَانِي فِيمَا فِيهِ شِفَائِي أَتَانِي رَجُلَانِ فَقَعَدَ أَحَدُهُمَا عِنْدَ
رَأْسِي وَالْآخَرُ عِنْدَ رِجْلَيَّ فَقَالَ أَحَدُهُمَا لِلْآخَرِ مَا وَجَعُ الرَّجُلِ قَالَ
مَطْبُوبٌ قَالَ وَمَنْ طَبَّهُ قَالَ لَبِيدُ بْنُ الْأَعْصَمِ قَالَ فِيمَا ذَا قَالَ فِي مُشُطٍ
وَمُشَاقَةٍ وَجُفِّ طَلْعَةٍ ذَكَرٍ قَالَ فَأَيْنَ هُوَ قَالَ فِي بِئْرِ ذَرْوَانَ فَخَرَجَ إِلَيْهَا
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ رَجَعَ فَقَالَ لِعَائِشَةَ حِينَ رَجَعَ نَخْلُهَا كَأَنَّهُ
رُءُوسُ الشَّيَاطِينِ فَقُلْتُ اسْتَخْرَجْتَهُ فَقَالَ لَا أَمَّا أَنَا فَقَدْ شَفَانِي اللَّهُ
وَخَشِيتُ أَنْ يُثِيرَ ذَلِكَ عَلَى النَّاسِ شَرًّا ثُمَّ دُفِنَتْ الْبِئْرُ

KESAN & SIMPTOM SIHIR

PETANDA

NAMA PENYIHIR

BAHAN & KAEDAH SIMPULAN SIHIR

LOKASI SIMPULAN SIHIR

SIFAT SIMPULAN SIHIR

# METODOLOGI PERLAKSANAAN SIHIR

**KHADAM SIHIR** + **BAHAN SIHIR** + **KAEDAH SIHIR**

Perjanjian dengan syaitan melalui :

Bahan-bahan sihir ini terdiri daripada:

Kaedah penyihiran yang tertentu seperti:



Pemujaan



Apa sahaja yang berasal dari tubuh mangsa/ penyihir



Mencucuk/ Menikam



Pematuhan Syarat



Bahan yang mempunyai sifat tertentu



Membakar/ Melayur








## Pendakwa Raya lwn Mat Saad Mat Isa dan 2 Lagi [2005] 1 AMR 29

Isteri bertemu bomoh untuk memulihkan kasih suami kepadanya. Bomoh letakkan syarat berikut:

1. Air mineral yang dijampi & dipuja bomoh (Khadam Sihir)
2. Tali hidung kerbau & kuku jari manis kiri dan kanan kepunyaan isteri pertama (Bahan Sihir)
3. Bahan diatas dimasukkan ke dalam air mineral dan diberi suami minum (Kaedah Sihir)

Setelah suaminya minum air yang dicampurkan bahan-bahan tersebut, perhubungan mereka baik semula dan suaminya mula *mengikut cakap* dan *kasih* padanya.

## 5 FORENSIK SIHIR SANTAU

# APAKAH ITU SANTAU?

Kamus Dewan Edisi ke-4:
Sejenis racun yang berbahaya, yang diperbuat daripada pelbagai jenis ramuan.

Santau adalah sejenis bahan sihir yang disediakan daripada ramuan yang boleh menyakiti dan mencederakan seseorang, dipuja melalui mantera-mantera dan kaedah tertentu bagi menghadirkan Jin, demi menyeksa mangsa sehingga mati secara perlahan-lahan dalam keadaan terseksa.












# SEDUTAN FILEM SANTAU




LILIN
mv santau
KERIS
0:00:19
0:11:55


DUPA
KEMENYAN
mv santau
0:00:47
0:11:27


Esma Daniel
mv santau
REBUNG
0:00:52
0:11:22


Putri Mardiana
mv santau
ALU LESUNG
0:01:02
0:11:12


mv santau
KESAN ASAP
0:01:08
0:11:06


MIANG BULUH
mv santau
0:01:18
0:10:56


LIMAU NIPIS
mv santau
0:01:28
0:10:46


Films & TV
mv santau
RENJISAN PADA NASI
0:01:48
0:10:26


mv santau
BAHAN PEMUJAAN
0:01:57
0:10:17


Films & TV
mv santau
GAMBAR
0:02:08
0:10:06


Films & TV
mv santau
BUNGKUSAN SIHIR
0:09:58
0:02:16


mv santau
TANGKAL
0:10:03
0:02:11


mv santau
DIIKAT
0:10:25
0:01:49


mv santau
DIPERASAP
0:10:22
0:01:52


mv santau
DITIKAM
0:10:45
0:01:29


mv santau
DITABUR BERAS
0:10:27
0:01:47

# BAHAN SIHIR BERDASARKAN NIAT (MENS REA)

## Untuk jadikan mangsa dibenci/ dipinggirkan, bahan-bahan kotor dan busuk digunakan



# Untuk menyakiti organ dalaman dan membunuh mangsa, bahan-bahan yang berbisa dan beracun akan digunakan.



# Untuk menyakiti fizikal mangsa dan membunuhnya, bahan-bahan yang tajam dan melukakan akan digunakan.



KACA, BERUS BESI, KAWAT BESI



TALI SABUT



SENJATA TAJAM



KUKU HAIWAN LIAR



PAKU

**Untuk menjadikan mangsa tidak keruan, tidak rasional dan gila, bahan-bahan berbentuk simpulan akan digunakan.**



TALI & BENANG



KAIN BERWARNA



RAMBUT MANGSA



BUNGKUSAN

Untuk menjadikan mangsa bingung, pening, sentiasa tertanya-tanya, hilang fokus dan gila, bahan-bahan yang diambil dalam keadaan tidak stabil akan digunakan.



Daun atau ranting yang berpusing-pusing di tengah air sungai.



Serangga yang tersangkut di sarang labah-labah.




Benda-benda bergantung yang sentiasa berpusing ke kanan dan ke kiri

Untuk menguasai dan menundukkan mangsa, bahan-bahan dari tubuh mangsa akan digunakan.



PAKAIAN MANGSA/ PENYIHIR



CECAIR TUBUH DARI MANGSA/ PENYIHIR



RAMBUT MANGSA/ PENYIHIR



KUKU MANGSA/ PENYIHIR

Untuk menyebabkan mangsa jadi bodoh, atau jadi pemalu, atau dibenci atau digeruni orang, organ tertentu haiwan akan digunakan.



Untuk menyebabkan mangsa menderita kesakitan dan mati secara perlahan-lahan, patung dan gambar akan digunakan.



Patung dari tanah liat dipuja, dicucuk duri nibung



Patung dibuat dari jerami dipuja, dicucuk jarum.



Gambar mangsa dipuja, disalai dan dibakar.

# KAEDAH PENYIHIRAN BERDASARKAN NIAT (*MENS REA*)

bh



## MEMBAKAR/ MEMANGGANG

- Niat untuk menyakiti mangsa
- Boleh jadi membunuh



## MENGASAP/ MENIUP

- Menguasai mangsa
- Mengurung mangsa



## MENIKAM/ MENCINCANG

- Membunuh
- Mencederakan



# MENCUCUK

- Menyakiti dan mencederakan mangsa
- Boleh jadi membunuh



# MENABUR/ MENANAM

- Menguasai atau melemahkan
- Mengkhianat




# MENGGANTUNG

- Menyakiti dan menyeksa mangsa
- Menjadikan mangsa gila/ tidak keruan



## MENGIKAT/ MENYIMPUL

- Menguasai tindak tanduk mangsa
- Menyeksa dan mengurung




## MENYIMPAN/ MENGURUNG

- Menyekat dan menguasai pemikiran atau tindakan mangsa



## MENYAPU/ MENGOSOK

- Menguasai mangsa
- Mencederakan mangsa

boleh didenda tidak mele- | Katanya, penentuan tem- | Pada masa sama, beliau | rang bayaran serta apa apa

# Undang-undang jenayah sihir ke peringkat tinggi

**Bangi:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) tidak menolak kemungkinan akan membawa rang undang-undang berhubung jenayah sihir ke peringkat lebih tinggi berikutan kajian penyelidikan perundangan itu sudah lengkap.

Penyelidikan oleh 36 panel dalam pelbagai bidang mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan melalui kerjasama antara JAKIM dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Ketua Pengarah JAKIM Datuk Othman Mustapha berkata, kajian undang-undang sihir sudah dibentangkan kepada panel Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil JAKIM yang dipengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali pada 14 November lalu.

Harian Metro .dalam laporan bersiri yang disiarkan bermula 13 Mac tahun lalu memaparkan fenomena sihir seperti tiada kesudahan membabitkan pelbagai lapisan masyarakat mengundang cadangan Jawatankuasa Bersama Bengkel Akta Jenayah Sihir di-



*OTHMAN (kiri) menerima buku penyelidikan undang-undang sihir daripada wakil Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Institut Latihan Islam Malaysia.*

meminta supaya undang-undang jenayah sihir diperkenalkan dalam waktu terdekat.

Othman berkata, selain

buku penyelidikan setebal 120 muka surat sebelum membawanya ke peringkat lebih tinggi dan Peguam Negara.

ini dapat memberikan mekanisma pembuktian sihir di mahkamah, JAKIM tiada masalah untuk membawa perkara ini ke peringkat tertinggi," katanya.

# Pengamal ilmu sihir harus dihukum – Jakim

BANGI – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dalam proses menyediakan peruntukan undang-undang terhadap pengamal-pengamal sihir di negara ini sebagai usaha membanteras amalan khurafat selain membela individu yang teraniaya akibat menjadi mangsa ilmu hitam itu.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, satu jawatankuasa kajian mengenai undang-undang sihir telah dilakukan oleh Jakim dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) selama 18 bulan melibatkan 39 orang panel daripada pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Menurut beliau, kajian tersebut telah disiapkan dan dibentangkan kepada panel Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil yang dipengerusikan oleh Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman pada 14 November 2014.



OTHMAN

"Pihak saya sedang melihat semula laporan kajian berkenaan sebelum ia diteruskan dengan sesi dialog antara jabatan-jabatan berkaitan agama Islam peringkat negeri.

"Proses ini akan mengambil masa yang lama sebelum dapat dibentangkan kepada Jabatan Peguam Negara kerana kita perlu membuat kajian yang teliti dan berhati-hati mengenainya," kata Othman pada Majlis Penutup Dialog Perundangan Berkaitan Amalan Sihir di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) di sini semalam.

Sheikh Ghazali merupakan Penasihat Perundangan Syariah Jabatan Peguam Negara dan juga Ahli Panel Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Malaysia.

Menurut beliau, kajian ini merupakan satu usaha yang baik dan wajar dilaksanakan kerana transformasi dalam perundangan syariah perlu dilakukan bagi menyelesaikan isu jenayah sihir yang sering berlaku sejak sekian lama.



JAKIM dalam proses menyediakan peruntukan undang-undang bagi membanteras pengamal ilmu sihir di negara ini. – Gambar hiasan

Bagaimanapun, kata Othman, satu-satunya cabaran besar dalam merealisasikan usaha ini ialah proses pembuktian terhadap tertuduh yang dipercayai terbabit dalam kegiatan jenayah ilmu sihir.

Setakat ini negara-negara yang diketahui mempunyai undang-undang menangani ahli sihir ialah di Mesir, Arab Saudi dan Jamaica.

Dalam pada itu, Pengerusi Pertubuhan-pertubuhan Pembela Islam (Pembela), Mohamed Hafiz Mohamed Nordin berkata, beliau bersetuju dengan cadangan Jakim menubuhkan undang-undang membanteras ilmu sihir.

"Kita sudah lama menunggu peruntukan undang-undang berhubung ilmu sihir ini. Justeru cadangan tersebut amat bagus dan diharapkan ia dapat dilaksanakan secepat mungkin," kata beliau ketika dihubungi malam tadi.

Tertuduh hadapi pertuduhan bunuh, cederakan pegawai bank

# Pengawal berdepan hukuman mati





Yang Dimuliakan Pehin Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim semasa menyampaikan ucapan.

# Perbuatan sihir sangat diharamkan

Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Jun - Di dalam Islam sihir atau ilmu sihir memang diakui ianya benar ada dan wujud, dan kewujudannya ini adalah untuk mendatangkan kemudaratan dengan izin Allah SWT ke atas orang yang terkena sihir.

Dengan itu adalah jelas bahawa perbuatan sihir ini sangat diharamkan di dalam Islam, termasuk pengajar, belajar dan semua jenis yang melibatkan sihir kecuali belajar untuk menyelamatkan diri daripada bahaya sihir.

Perkara ini dijelaskan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syari'ah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Salim bin Awang Haji Besar di Majlis Pembukaan Bengkel Sihir: Pendakwaan dan Pembuktian Kes Di Mahkamah yang berlangsung di Dewan Serba guna Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syari'ah, pagi tadi.

Beliau berkata Islam membicarakan permasalahan sihir ini dengan secukupnya daripada segi ta'rifnya, kesan, amalan dan penjagaannya serta bertindak menghapuskan ajaran ilmu sihir dengan mengenakan tindakan keras terhadap pengamal-pengamalnya yang membawa kepada hukuman bunuh menurut pandangan setengah ulama.

Menurut beliau kekuatan ilmu sihir itu adalah terletak pada tenaga saranan yang berlangsung dalam bentuk bacaan, jampi mantera yang menakutkan, penggunaan objek-objek seperti tali, besi waja, simpulan, darah binatang dan bahagian-bahagian anggotanya yang tertentu.

Selain itu, minyak dagu orang mati dibunuh, simpulan-simpulan yang aneh dan mengerikan, bunyi-bunyian yang menakutkan, perasapan yang menyeramkan dan tidak sedikit pula yang menggunakan bahan-bahan khayal seperti bulu-bulu dada dan bahan-bahan seperti tuala wanita, rambut dan kuku manusia.

Beliau menekankan bahawa sihir akan mendatangkan kemudaratan baik kepada pengamalnya mahupun orang yang terkena sihir, di mana bagi yang mengamalkannya akan membawa mereka kepada kufur yang sangat bahaya yang bakal membawa mereka ke dalam neraka.

Selain daripada itu, sihir juga boleh mendatangkan kesan buruk kepada jiwa, hati dan perasaan dan seterusnya membawa kerosakan, kehancuran dan kemusnahan.

Dalam usaha untuk menghindarkan perbuatan sihir daripada berleluasa, jelasnya, beberapa peruntukan di dalam Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah 2013 telah dikuatkuasakan, iaitu dalam fasa pertama, terdapat satu bab di mana adalah satu kesalahan bagi sesiapa yang didapati menjadi pengamal sihir di bawah Bab 208. Jika sabit kesalahan, akan dihukum denda tidak melebihi $20,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi mereka yang mendapatkan pertolongan dari ahli sihir juga merupakan satu kesalahan dan boleh dihukum denda tidak melebihi $8,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, jika sihir digunakan untuk membunuh seseorang akan terjatuh dalam kesalahan bunuh di bawah Bab 152 yang boleh membawa hukuman bunuh. Ini juga termasuk perbuatan cuba membunuh dengan sihir dan perbuatan bersubahat bagi perbuatan membunuh dengan sihir adalah menjadi kesalahan di bawah bab masing-masing 153 dan 154.

Menurut beliau bengkel ini akan memberikan garis pandu dalam pembuktian dan pensabitan bagi kesalahan orang yang dituduh menjadi pengamal sihir, begitu juga bagi membuktikan dan pensabitan bagi kesalahan bunuh dengan cara sihir.

Bagi pembuktian kesalahan sihir ini walaupun telah ada keterangan mangsa sihir yang dianggap mencukupi, begitu juga adanya ikrar atau pengakuan salah tertuduh, atau orang yang kena sihir akan tetapi bagi lebih meyakinkan pihak mahkamah perlulah mendapatkan lagi keterangan pakar dalam perkara sihir ini

# Banteras sihir

## ■ Pelaksanaan undang-undang bergantung kepada kerajaan negeri

Oleh Khairulmizan Yahya
am@hmetro.com.my
Kuantan

Undang-undang jenayah sihir sedia dikuatkuasakan selepas ia mendapat kelulusan daripada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), tetapi terpulang kepada kerajaan negeri untuk melaksanakannya.

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kajian Undang-Undang Sihir JAKIM Dr Mahyuddin Ismail berkata, setakat ini hanya Selangor menyatakan minat untuk melaksanakan undang-undang berkenaan, namun belum ada pengesahan mengenainya.

"Kajian mengenai undang-undang sihir dilaku-kan selama dua tahun membabitkan pakar daripa-a pelbagai bidang termasuk erundangan, perubatan an penyiasatan, malah ha- kajian ini dibentangkan pada jawatankuasa ber-



DR Mahyuddin

kenaan dan diluluskan.

"Setakat ini, cadangan peruntukan, prosedur operasi standard (SOP), bentuk keterangan dan pembuktian mengenai undang-undang itu lengkap serta bersedia dimasukkan dalam peruntukan negeri jika pihak terbabit bersetuju," katanya pada sidang media selepas Program Bicara Alam Metafizik 'Amalan Sihir Sebagai Satu Jenayah' di Universiti Malaysia Pahang (UMP), di sini, semalam.

Beliau berkata, Brunei turut mendapatkan kepakaran dan nasihat daripada pihaknya serta menjadikan SOP dibangunkan dalam kajian berkenaan sebagai panduan memandangkan negara terbabit mempunyai peruntukan undang-undang sihir sendiri.

"Kita sedar pada peringkat permulaan akan ada kelemahan dalam menguatkuasakan undang-undang terbabit jika ia dilaksanakan antaranya kekurangan pakar dalam siasatan, pegawai dan anggota penguat kuasa serta peralatan forensik.

"Masalah berkenaan boleh diatasi secara berperingkat dan apa lebih penting adalah langkah permulaan dengan melaksanakan undang-undang ini bagi memberikan keadilan kepad mangsa serta menghukur pengamal sihir," katanya.

Dr Mahyuddin berkat pihaknya juga mengadak program jelajah ke bebera negeri bagi memberi pe rangan kepada masyara dan pihak berkepentin mengenai undang-unc jenayah sihir bermula di ta Kinabalu, Sabah, t lalu.

# UMP terbit buku sihir dalam perubatan

**Kuantan:** Kemusykilan masyarakat mengenai perubatan tradisional yang menggunakan bantuan jin dan syaitan kini terlerai dengan penerbitan buku *Isu-Isu Berkaitan Akidah dan Syariah dalam Perubatan Tradisional dan Komplementari*.

Buku keluaran Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu adalah hasil tulisan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr Mahyudin Ismail bersama-sama pengasas Pusat Rawatan Islam Manarah, Dr Jahid Sidek mengenai penggunaan ilmu sihir dalam perubatan tradisional.

"Penerbitan buku ini adalah sebahagian daripada penyelidikan saya dalam *Penggunaan Ilmu Sihir Dalam Kegiatan Jenayah di Malaysia* dan ia adalah bukti kejadian kes sebenar pesakit yang terkena ilmu sihir berdasarkan pengalaman kami.

"Buku ini sesuai dibaca oleh mas- yarakat umum untuk lebih memahami penguatkuasaan Akta Rang Undang-Undang Perubatan Tradisional dan Komplementari yang tertakluk di bawah Kementerian Kesihatan," katanya pada majlis pelancaran buku berkenaan bersempena dengan Persidangan Akademik Perpustakaan Kebangsaan, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan, Prof Dr Mashitah Yusoff; Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin, Pengarah Penerbit UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang; Ketua Pustakawan, Ruslan Che Pee dan Timbalan Pustakawan Kamariah Gono.

## Pengamal perubatan

Mahyudin berkata, masyarakat perlu berhati-hati memilih pusat rawatan yang menggunakan nama Islam berikutan berlaku penipuan dalam kalangan pengamal perubatan terbabit.

"Orang ramai yang ingin melakukan rawatan tradisional perlu memilih pusat rawatan yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) kerana ia mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.

"Penipuan yang dilakukan oleh pengamal perubatan tradisional ini amat buruk kesannya terhadap akidah masyarakat Islam kerana melakukan perkara khurafat dan syirik terhadap Allah SWT," katanya.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, buku berkenaan boleh didapati di Pejabat Penerbit dengan harga RM60 senaskhah dan diskaun sehingga 30 peratus diberikan kepada pembelian melebihi 100 naskhah.

Katanya, ia adalah antara koleksi buku terbaik yang dihasilkan pada tahun ini dan menggalakkan lebih ramai penyelidik untuk menerbitkan hasil kajian mereka dalam bentuk buku umum untuk meningkatkan penerbitan buku negara.



*Dr Mahyudin Ismail.*



*Dr Mahyudin (kanan) memberi penerangan dalam sesi Soal Jawab Aplikasi* **Forensik Dalam Kes Jenayah Berkaitan Sihir** *pada program Hari Terbuka UMP, baru-baru ini.*

# UniSZA rancang

tawar kursus bahasa asin

...bashah Md. Hanipah. ... 2013 dengan jumlah aset terkumpul sebanyak RM82.88 bilion.

TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mendengar lafaz akad zakat perniagaan oleh Ahmad Bashah Md. Hanipah (kiri) yang mewakili Bank Rakyat kepada JZNK dan Wilayah Persekutuan di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah, semalam.

## Undang-undang heret pelaku digubal – Mahyuddin

# Mangsa jenayah sihir dibela


Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL
pengarang@utusan.com.my


**SEREMBAN** 14 Mei - Pelaku jenayah sihir jangan terfikir untuk 'bebas' selepas ini apabila undang-undang berkaitannya sedang digubal oleh Jawatankuasa Kajian Undang-Undang Sihir yang kini di peringkat akhir melengkapkannya.



MAHYUDDIN ISMAIL

Pengerusi Bersama jawatankuasa berkenaan, Dr. Mahyuddin Ismail berkata, sudah sewajarnya mangsa yang terkena sihir dibela, apatah lagi ia membabitkan kes penceraian kerana sihir, tertipu angkara pukau, merana sakit dan perniagaan jatuh akibat penggunaan ilmu hitam.

"Hari ini belum ada undang-undang untuk mengheret pelaku jenayah sihir dan mangsa terabai tanpa dibela, sedangkan jenayah mistik ini adalah bahaya dan kian membarah dalam masyarakat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di ...ana Resort, dekat sini hari ini.

Beliau ditemui selepas membentangkan kertas kerja bertajuk, *Mengani kegiatan sihir melalui mekanisme undang-undang* sempena Bengkel Kes Kaunseling - Pengaruh Sihir dan Saka Dalam Kehidupan anjuran Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan ...alah *Al Islam*, terbitan Kumpulan ...



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Bengkel Kes Kaunseling - Pengaruh Sihir dan Saka Dalam Kehidupan anjuran MAINS di Seremban, Negeri Sembilan, semalam.

berkata, hari ini kes berkaitan sihir banyak berlaku tetapi orang ramai tidak nampak cara mana membawa pelaku ke perundangan, malah ada yang beranggapan ia sesuatu yang terlalu peribadi.

"Biarpun usaha mewujudkan undang-undang khusus bagi pelaku sihir telah dicadangkan pada tahun 1975 yang diusahakan sebuah universiti, namun ia tidak kesinambungan.

"Sehinggalah pada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ... pada 11 Oktober 1993, ... bawa kepada syirik, malah menyebut pihak berkaitan hendaklah menyediakan peruntukan undang-undang bagi menghukum pengamal yang sabit melakukan sihir," tegas beliau.

Bagaimanapun, kata Mahyuddin, sehingga tahun 2010 gerakan untuk menggubalnya tidak disahut dan pada 2012, beliau membentangkan secara rasmi kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) supaya penggubalan undang-undang ini disegerakan.

... yang diperoleh ... *Knowledge Transfer Programme*, sebanyak hampir RM200,000 dan kerjasama Jakim, maka satu jawatankuasa khusus dianggotai seramai 45 individu berkepakaran dalam perundangan telah mengadakan muzakarah bagi pelaksanaannya," katanya.

Kini, kata Mahyuddin, selepas tiga kali Jawatankuasa Kajian Undang-Undang Sihir bersidang dan akan bertemu sekali lagi pada Jun dan Ogos ini, ia akan dibentangkan kepada panel Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak untuk ... sama ada akan dibawa ke Parlimen untuk diwa... kan.

"Isu sekarang ialah pembu... dalam mahkamah kerana ora... mai beranggapan sukar untuk ... bawa pelaku sihir dan tida... bagaimana bukti yang perlu ... apatah lagi berkaitan perkar...

"Kita perlu faham kompo... ponen yang digunakan dala... sihir seperti bahan dan kaed... pakai oleh pelaku," katany...

Untuk membuktikan p... ini, ia akan melibatkan ... memahami selok belo... mengenalpasti bahan ... sihir yang digunakan.

"Khidmat pakar ... diperlukan bagi men... genalpasti cap jari, ... mui pada bahan si... rambut mangsa at... men tubuh badan ... pelaku sihir. Khi... pakar perubat... untuk mengen... batan mental... jelasnya.

Justeru, ... ini adalah d... dibuat di ... ngan perin... disebabkan ... hitam sebe...

"Sihir i... dalam ma... tetapi jug... Islam da... hil perkar... pelaksana... vil," katar...

Dalam ... dihadiri ... ubatan, ... kerajaa... dan or... seluru...

# TERIMA KASIH



Sebarang pertanyaan atau maklumbalas:

- Email : mahyuddin09@gmail.com
- Blog : www.mahyuddin09.blogspot.com

# BAGAIMANA HENDAK MENGESAN GANGGUAN SIHIR



- Tidur/ Tidak Sedar
- Fizikal
- Emosi & mental
- Premis
- Kerjaya/ Ekonomi
- Keluarga/ Sosial



- SAKA
- AMALAN KHURAFAT
- BERBOMOH
- GANGGUAN BIASA
- SIHIR

# MENGESAN PENGAMAL SIHIR



- ✗ Individu
- ✓ Asal
- ✓ Bahan
- ✓ Kaedah
- ✓ Lokasi
- ✗ Sebab

- Suspek
- Asal
- Mens Rea
- Actus Reus
- Qarinah
- Motif



**MAHYUDDIN ISMAIL**

# PENGENALAN

**MAKLUMAT DIRI**

Tarikh Lahir : Mac 1977

Asal : Dungun, Terengganu

Jawatan : Pengarah Pusat Islam UMP

**PENDIDIKAN**

2011: Post Doctorate, UIAM

2010: Doktor Falsafah (PhD) UKM

2002: Sarjana Undang-undang Perbandingan UIAM

2001: Sarjana Muda Undang-undang UIAM